



Ibu Pejabat  
Jabatan Ukur Dan Pemetaan  
Jalan Semarak  
50578 Kuala Lumpur

22 Jun, 1987.

**PEK.KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL.10 TAHUN 1987**  
**Latihan Kepada Pegawai-Pegawai Kerjaluar**

**1. Tujuan**

Tujuan Pekeling ini dikeluarkan untuk menasihatkan semua Pengarah Ukur melatih secukupnya Pegawai Kerjaluar untuk menjayakan fungsi Jabatan, serta menjamin saluran kerja yang licin disamping memberi peluang kepada pegawai- pegawai memperolehi pengalaman kerjaluar.

**2. Latarbelakang**

- 2.1 Di Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Ukur dan Pemetaan baru-baru ini, pihak pekerja telah meminta supaya semua kakitangan Jabatan ini diberi peluang untuk memperolehi pengalaman kerjaluar. Perkara ini bukan satu perkara baru bahkan adalah satu polisi Jabatan ini untuk melatih semua kakitangan dalam semua bidang kerja setiap masa. Tetapi oleh sebab kekurangan kewangan, maka pertukaran dari Ibu Pejabat ke sesuatu Pejabat Jurukur Daerah/ Wilayah luar dari Ibu Pejabat tersebut telah tidak digalakkan.
- 2.2 Oleh kerana sebab tersebut di atas dan sebab-sebab lain, beberapa Jabatan Ukur Negeri telah menghadapi kesulitan kekurangan pegawai kerjaluar. Keadaan ini jika tidak dibetulkan atau diperbaiki akan menjelaskan kemajuan dan prestasi Jabatan ini.

**3. Faktor-Faktor Pertimbangan**

Untuk mengatasi masalah tersebut, Pengarah-Pengarah Ukur adalah dinasihatkan supaya mengaturkan satu program supaya keadaan pejabatnya tidak kurang mempunyai Pegawai Kerjaluar disamping itu memberi peluang kepada pegawai-

pegawai yang berminat untuk mendapat pengalaman kerjaluar. Namun demikian faktor-faktor seperti di bawah ini hendaklah ditimbangkan apabila sesuatu keputusan dibuat.

### 3.1 **Perbelanjaan Pertukaran**

Pertukaran pegawai untuk latihan kerjaluar hendaklah di dalam bandar yang sama melainkan pertukaran pegawai tersebut adalah satu pertukaran tetap. Peraturan ini akan mengurangkan perbelanjaan pertukaran.

### 3.2 **Pengeluaran Kerjaluar**

Pengeluaran kerjaluar perlu memenuhi matlamat tahunan yang ditetapkan. Ini adalah sangat mustahak untuk menjamin kecukupan kerja di cawangan-cawangan lain dan seterusnya menjamin pencapaian matlamat di peringkat pelan akui nanti.

### 3.3 **Mutu Kerjaluar**

Mutu kerjaluar harus juga diambil berat supaya ianya tidak merosot dan menjadi masalah prosesan pejabat nanti. Ia bukan sahaja akan menjelaskan kemajuan diperingkat-peringkat prosesan yang lain bahkan juga ia akan menambahkan kos pengukuran kerana kerja-kerja pembetulan selepas itu. Pengarah-pengarah Ukur perlu mengawasai agar pegawai-pegawai yang dihantar bertugas sebagai pegawai kerjaluar harus mempunyai pengetahuan, sikap dan sifat-sifat yang boleh menjamin penghasilan yang munasabah.

### 3.4 **Penghasilan Maksima**

Dalam keadaan beban kerja yang ada sekarang serta dengan pembekuan pengisian jawatan-jawatan kosong maka segala tindakan yang diambil untuk menukar pegawai perlulah dibuat dengan tujuan untuk mendapatkan penghasilan yang maksima.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"CINTAILAH BAHASA KITA"**

**(ABDUL MAJID BIN MOHAMED, JSM, SMP)**

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Malaysia.

**Edaran Kepada:**

Semua Pengarah Ukur

**Salinan kepada:**

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

Pengarah Ukur Pemetaan

Pengarah Ukur Kadastra

Timbalan Pengarah Ukur Pemetaan

Timbalan Pengarah Ukur Kadastra

Timbalan Pengarah Ukur (Unit Khas)